

Jaminan beri sokongan kepada kepimpinan Pak Lah

UM 1 1 AUG 2003

KUALA LUMPUR 10 Ogos — Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting hari ini memberi jaminan bahawa parti itu akan terus memberi sokongan penuh kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal mengisi jawatan Perdana Menteri Oktober ini.

Beliau berkata, MCA yakin Abdullah merupakan orang yang beramanah serta berpengalaman luas untuk mengambil alih serta meneruskan segala dasar serta wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Sudah tentu Abdullah akan berusaha gigih untuk meneruskan segala dasar yang boleh merealisasikan wawasan dan aspirasi Dr. Mahathir.

“Menyedari Dr. Mahathir telah mempunyai seorang pengganti yang begitu beramanah dan berpengalaman untuk mengambil alih, maka MCA berikrar akan memberi sokongan yang sepenuhnya kepada Abdullah yang bakal menjadi Perdana Menteri dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) yang baru,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata demikian ketika menyampaikan Ucapan Dasar Presiden pada Perhimpunan Agung Tahunan ke-50 MCA di Wisma MCA, di sini hari ini.

Ka Ting mengambil alih kerusi tertinggi MCA selepas bekas presiden, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan timbalannya, Datuk Seri Lim Ah meletakkan jawatan pada 23 Mei lalu bagi menamatkan pertikaian antara Team A dan Team B dalam MCA.

Datuk Chan Kong Choy turut dilantik mengisi kerusi nombor dua yang dikosongkan oleh Ah Lek dan mengambil alih kedudukan Menteri Pengangkutan bagi menggantikan Liong Sik.

Sementara itu, Ka Ting dalam ucapannya turut menyeru rakyat Malaysia pelbagai keturunan supaya berkongsi sumber bagi membantu negara menghadapi proses globalisasi.

Katanya, strategi baru yang lebih berkesan amat perlu dalam persaingan ekonomi tanpa sempadan serta menghadapi cabaran dari China yang dijangka muncul sebagai gergasi ekonomi dunia.

Kelebihan yang dimiliki oleh rakyat Malaysia keturunan Cina daripada segi pemahaman bahasa, tradisi dan kebudayaan China harus digunakan dengan sepenuhnya bagi menerokai pasaran dan menarik pelabur China ke negara ini, ujar beliau.

Selain itu, tambahnya, usaha sama antara kaum Cina dan rakyat beragama Islam di negara ini merupakan satu kekuatan untuk menerokai pasaran muslim di China kerana negara itu juga mempunyai ramai rakyat beragama Islam.

Ancaman

Menurut Ka Ting, keganasan pula harus diperangi dengan keras kerana ia sekarang menjadi ancaman serius kepada keamanan dunia dan ekonomi serantau.

Bagaimanapun, katanya, dunia juga harus mengenal pasti punca keganasan bagi memastikan ia dapat dibendung secara mutlak.

“Keganasan tidak berkait dengan mana-mana agama atau bangsa tetapi adalah kerana penindasan, peminggiran, ketidakadilan dan tindakan balas kumpulan yang dianggap lemah dan dipinggirkan,” katanya.

Ka Ting berkata, kaum Cina turut menentang keras sebarang bentuk keganasan dan menyokong penuh kempen menentang jenayah perang seperti yang dilakukan oleh Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Lebih 800 persatuan Cina yang berpengaruh dan lebih 230,000 orang Cina telah menandatangani memorandum keamanan semasa kempen Aman Malaysia yang telah dilancarkan awal tahun ini, katanya.